



TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN VIDEO KREATIF DEKORASI KRAF MERDEKA

1. **Dekorasi Kraf Merdeka** merupakan pertandingan yang diadakan oleh Kraftangan Malaysia bagi memupuk minat masyarakat untuk mengenali, mencintai dan menghargai seni kraf tangan Malaysia yang unik dan menarik sekaligus memupuk semangat patriotik cintakan negara melalui penggunaan produk kraf tempatan. Matlamat Kraftangan Malaysia adalah menjadikan pertandingan ini sebagai satu medium untuk masyarakat menghasilkan video kreatif bagaimana mereka menggunakan produk kraf sebagai hiasan kediaman agar menarik minat untuk mengenali dan menghargai produk kraf tangan Malaysia yang dihasilkan oleh usahawan tempatan. Pertandingan ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat seperti mana yang dinyatakan dan perubahan dari semasa ke semasa mengikut situasi semasa yang disesuaikan.

2. **Tempoh Pertandingan.** Pertandingan ini berlangsung mulai **1 Ogos 2021 (12:00 pagi)** dan berakhir pada **31 Ogos 2021 (12:00 tengah malam)** walau bagaimanapun, peserta boleh bermula sebaik sahaja Pertandingan ini dihebahkan / dimuat naik.

3. **Hasil Penyertaan.** Peserta boleh menghantar Hasil Penyertaan dalam tempoh tersebut. **Penganjur berhak menolak sebarang penyertaan yang diterima selepas tarikh dan waktu yang ditetapkan.**

4. **Kategori Penyertaan.** Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia secara individu atau berkumpulan mengikut kategori pertandingan seperti berikut ;

5. **Penyertaan dan Pertandingan.**
 - i. Penyertaan terbuka kepada berkumpulan / individu adalah percuma ;
 - ii. Hasil Penyertaan adalah dalam **format MP4 dan berdurasi TIDAK MELEBIHI lima (5) minit sahaja ;**
 - iii. Peserta perlulah menyediakan **VIDEO DEKORASI** sempena sambutan **HARI KEBANGSAAN 2021** dan **WAJIB** mengguna pakai **produk kraf MALAYSIA** sahaja ;

- iv. Pendaftaran penyertaan pertandingan boleh dibuat di pautan berikut:
<https://forms.gle/DX7YuPvVEvojWK567>

Penyertaan peserta yang tidak lengkap **TERBATAL DENGAN SERTA MERTA.**

- v. Hasil Penyertaan perlu dihantar melalui e-mel **contest@kraftangan.gov.my** SERTA memuat naik dengan dibuat tetapan umum ke media sosial (Facebook / Instagram) masing-masing dan meletakkan tanda pagar seperti berikut ;
#ilovekraftanganmalaysia
#dekokrafharikebangsaan

6. **Hadiah.** Hadiah Pertandingan mengikut kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut ;

Tempat Pertama :	RM 1,500.00
Tempat Kedua :	RM 1,000.00
Tempat Ketiga :	RM 500.00

Penganjur akan menghubungi secara terus Peserta yang berjaya memenangi kategori-kategori di atas berhubung penyampaian hadiah yang berkaitan.

7. **Pemilikan.** Peserta bersetuju bahawa Hasil Penyertaan menjadi hakmilik mutlak Penganjur selepas Hasil Penyertaan dihantar kepada Penganjur. Penganjur berhak menggunakan Hasil Penyertaan secara penuh atau suntingan (mengikut kesesuaian) bagi tujuan promosi dan publisiti industri kraf negara. Peserta tidak mempunyai hak untuk menuntut sebarang bayaran bagi tujuan yang dinyatakan tersebut.

8. **Penganjur BERHAK menolak / membatalkan penyertaan Peserta berdasarkan sebab-sebab berikut ;**

- i. Tidak mematuhi mana-mana syarat atau terma yang telah ditetapkan oleh Penganjur;
- ii. Hasil Penyertaan mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti keagamaan, perkauman, politik, individu atau komuniti ;
- iii. Mengandungi apa-apa kandungan (sebahagian atau sepenuhnya) yang menyalahi undang-undang ;

- iv. Mengandungi apa-apa kandungan (sebahagian atau sepenuhnya) yang kurang sopan dan tidak bersesuaian ; dan
 - v. Membuat tuntutan terhadap Penganjur, mempertikaikan keputusan pertandingan lain-lain perkara yang boleh menimbulkan isu kontroversi atau persepsi negatif terhadap Penganjur.
- 9. Kos.** Peserta adalah bertanggungjawab terhadap sebarang kos yang terlibat sepanjang Pertandingan. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan terhadap Peserta oleh mana-mana pihak di sepanjang masa. Peserta bertanggung sepenuhnya untuk menanggung rugi Penganjur di sepanjang masa bagi apa jua risiko, kos, kerugian dan tuntutan terhadap Peserta atau Penganjur.
- 10. Keputusan.** Keputusan juri adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan tidak akan diterima oleh Penganjur. Kriteria penjurian adalah seperti mana berikut ;
- i. **PENGGUNAAN PRODUK KRAF TANGAN MALAYSIA (70%)**
 - ii. **KREATIVITI VIDEO (20%)**
 - iii. **PEMATUHAN TEMA PERTANDINGAN (10%)**

Sebarang pertanyaan, boleh dikemukakan kepada :

Urus setia Pertandingan
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
KRAFTANGAN MALAYSIA
Kompleks Kraf Kuala Lumpur
Seksyen 63, Jalan Conlay 50450 Kuala Lumpur
Tel : 03-2162 7533 / 7459 / 012-3099261 / 011-70362656
Emel : contest@kraftangan.gov.my

